

SEJARAH PENTADBIRAN JABATAN PERDANA MENTERI

Sejarah Jabatan Perdana Menteri

DARI TAHUN 1957 hingga TAHUN 1966

Julai 1957	<p>Jabatan Perdana Menteri (JPM) ditubuhkan setelah Pejabat Ketua Setiausaha dimansuhkan. JPM ditubuhkan adalah bertujuan:</p> <ul style="list-style-type: none">• merancang, merumus dan menyelaraskan segala dasar dan matlamat Negara di samping menentukan bahawa keselamatan Negara untuk pelaksanaan dasar-dasar kerajaan bagi memberikan kebahagiaan dan kesempurnaan hidup rakyat Malaysia terjamin;• menentukan segala urusan dalam bidang pentadbiran, kewangan, perjawatan, perkhidmatan, istiadat dan keseluruhan jabatan dan pengurusan persidangan yang dianjurkan oleh kerajaan Malaysia dilaksanakan mengikut peraturan-peraturan yang ditentukan dari masa ke semasa. <p>Jabatan Perdana Menteri (JPM) merupakan jabatan terpenting dalam sistem pentadbiran negara kerana berperanan sebagai pusat yang bertanggungjawab terhadap dasar-dasar utama Kerajaan.</p>
1957	<p>Semasa ditubuhkan, Jabatan ini terdiri daripada <u>Bahagian Kabinet dan Perlembagaan, Bahagian Keselamatan dan Risiko</u> dan <u>Urusetia bagi Penasihat Ekonomi</u>.</p> <p>Pegawai Tadbir Utama bagi Jabatan Perdana Menteri ialah Ketua Setiausaha Negara (KSN), yang juga sebagai Ketua Setiausaha (KSU). Beliau dibantu oleh Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU(Kabinet)), Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK) dan Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU).</p>
31 Ogos 1957	<p>Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ditubuhkan bersamaan dengan hari Kemerdekaan Tanah Melayu dan merupakan agensi pusat kepada JPM. Suruhanjaya ini berperanan melaksanakan perantikan, pengesahan, perjawatan tetap, perjawatan berpencen, kenaikan pangkat, pertukaran dan kawalan tatatertib.</p>

Sept. 1957	Bahagian Kabinet dan Perlembagaan ditubuhkan dengan nama asalnya sebelum ini adalah Bahagian <i>Cabinet</i> . Pada tahun 1995, nama Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan mula digunakan pada 1 Julai 1995.
4 Sept. 1957	Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia ditubuhkan mengikut Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan. Semasa penubuhannya, Suruhanjaya Pilihanraya dianggotai oleh seorang pengerusi dan 2 orang ahli.
1957	Istana Negara diletak di bawah jagaan Jabatan Perdana Menteri.
1961	<p>Pada tahun ini, Jabatan Perdana Menteri mengandungi 13 Bahagian/Unit seperti <u>Bahagian Kabinet dan Perlembagaan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Istiadat, Bahagian Penyelidikan, Unit Penyelidikan Ekonomi, Biro Terjemahan Persekutuan, Pejabat Perumahan, Bahagian Hal Ehwal Malaysia, Pejabat Suruhanjaya Gaji, Bahagian Aktuari, Pusat Pembangunan Pengajian, Unit Pembangunan Pentadbiran dan Bahagian Geraksaraf.</u></p>
1961	<p>Bahagian Pentadbiran dan Kewangan diwujudkan sebagai ibupejabat Kementerian yang menjadi nadi kepada aktiviti-aktiviti di JPM keseluruhannya.</p> <p>Bahagian ini yang ditadbir oleh Timbalan Ketua Setiausaha bertanggungjawab untuk mengendalikan hal-ehwal pentadbiran am, perkhidmatan, perjawatan, kewangan, keselamatan dan kebersihan bagi keseluruhan JPM dan agensi-agensi di bawahnya. Bahagian ini bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha Negara. Terdapat beberapa Unit di bawah Bahagian ini seperti Urusetia Persidangan Antarabangsa, Biro Pengaduan Awam, Pejabat Keselamatan Kerajaan, Cawangan Istiadat dan Urusetia Hal Ehwal Wanita.</p> <p>Pada tahun 1988, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan telah dipecahkan kepada dua (2) cawangan berasingan iaitu Cawangan Pentadbiran & Perkhidmatan dan Cawangan Kewangan. Di bawah Cawangan Pentadbiran & Perkhidmatan, terdapat empat (4) Unit telah ditubuhkan iaitu Unit Pentadbiran Am, Unit Perhubungan Awam, Unit Keselamatan dan Unit Perkhidmatan bagi melaksanakan fungsi dan aktiviti dengan lebih berkesan. Manakala Cawangan</p>

Kewangan mempunyai lima (5) Unit iaitu Unit Gaji, Unit Belanjawan, Unit Bayaran, Unit Pembelian dan Unit Pembangunan.

Jawatan Timbalan Ketua Setiausaha PTD, Tingkatan Tertinggi 'A' telah ditukar kepada Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK) di

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan. Y. Bhg. Dato' Hj. Harun Bin

Din telah dilantik sebagai TKSUK yang pertama. Peranan TKSUK penting untuk membantu Ketua Setiausaha Negara mengendalikan pentadbiran dan kewangan agensi-agensi di bawah JPM. Beliau juga menjalankan tugas-tugas lain seperti yang diarahkan oleh Y.B. Perdana Menteri, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, Y.B. Menteri-Menteri, Y.B. Timbalan-Timbalan Menteri dan Y.B. Ketua Setiausaha Negara dari masa ke semasa.

Bagi melancarkan urusan pentadbiran, jawatan Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) PTD, Tingkatan Tertinggi 'B' telah diwujudkan untuk membantu TKSUK mengawasi 9 daripada 25 agensi-agensi di bawah JPM. Selain itu, TKSU juga dapat membantu tugas-tugas TKSUK dengan lebih berkesan dalam pengawasan dan penyelarasan program dan aktiviti JPM.

Pada tahun ini juga, Perpustakaan Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Perpustakaan Bahagian Kabinet digabungkan menjadi Perpustakaan Jabatan Perdana Menteri dan diletakkan di bawah Bahagian Pentadbiran dan Kewangan.

Bagi mempertingkatkan tugas memberi khidmat sokongan yang berkesan kepada agensi-agensi di bawah JPM, bahagian pentadbiran dan kewangan telah membuat penstrukturan semula fungsi dan perjawatannya. Pada 10 Oktober 2001, bahagian pentadbiran dan kewangan telah ditukar nama kepada Bahagian Pengurusan Perkhidmatan dan Sumber Manusia. Semua cawangan dinaiktaraf kepada Cawangan Pengurusan Perkhidmatan dan Cawangan Sumber Manusia di bawah tanggungjawab Timbalan Ketua Setiausaha Kanan dan dibantu oleh Timbalan Ketua Setiausaha serta seorang (1) Setiausaha Bahagian.

Di bawah Cawangan Pengurusan Perkhidmatan, Unit sedia ada telah dinaiktaraf dari segi peranan dan fungsinya yang mana daripada empat (4) Unit kepada tujuh (7) Unit iaitu Unit Pentadbiran & Penyelarasan, Unit Keselamatan, PUSPANITA KEBANGSAAN, MAKSAMALAYSIA, Unit Perhubungan Awam & Dokumentasi, Unit

	<p>Pembangunan dan Unit Kewangan. Cawangan Pengurusan Sumber Manusia pula mengandungi tiga (3) Unit iaitu Unit Pengurusan Sumber Manusia (Operasi), Unit Pembangunan Sumber Manusia dan Unit Penyelidikan Sumber Manusia.</p> <p>Cawangan Akaun telah diwujudkan setelah Jabatan Perdana Menteri diberi status sebagai Jabatan Mengakaun Sendiri pada April 2003 dan diletakkan di bawah Bahagian Pengurusan Perkhidmatan dan Sumber Manusia.</p> <p>Penstrukturan semula organisasi dan fungsi Bahagian Pengurusan Perkhidmatan dan Sumber Manusia telah dilaksanakan buat kali kedua berikutan pertambahan saiz Jabatan Perdana Menteri daripada 43 kepada 48 agensi di bawah JPM. Pertambahan tersebut berlaku hasil rombakan Kabinet pada 27 Mac 2004 dan arahan YAB Perdana Menteri supaya diperkukuhkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan di setiap Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan.</p> <p>Pada 1 Mei 2007, Bahagian Pengurusan Perkhidmatan dan Sumber Manusia ditukar nama kepada PENTADBIRAN AM, JPM. Semua cawangan dinaiktaraf ke Bahagian dan mengandungi empat (4) Bahagian iaitu Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Kewangan & Pembangunan dan Bahagian Akaun.</p> <p>Semua bahagian tersebut berada di bawah tanggungjawab Timbalan Ketua Setiausaha Kanan dan dibantu oleh Timbalan Ketua Setiausaha serta empat (4) Setiausaha Bahagian. Melalui rombakan dan penstrukturan baru ini, setiap Bahagian dapat melaksanakan peranan dan fungsinya yang telah dikhususkan dengan lebih berkesan dan efektif bagi memudahkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan dilaksanakan kepada agensi-agensi di bawah JPM. Ini berdasarkan tanggungjawab membekalkan perkhidmatan pentadbiran, kewangan, perakaunan dan pengurusan sumber manusia.</p>
Nov 1961	Bahagian Keselamatan dan Risikan diletak di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (yang kemudiannya dikenali sebagai Kementerian Dalam Negeri).
1961	Cawangan Istiadat ditubuhkan dan diletakkan di bawah Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, JPM.

1965	<p>Jabatan Perangkaan Malaysia beroperasi di bawah peruntukan Akta Perangkaan 1965 menggantikan Biro Statistik dan diletakkan di bawah Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Perancangan Am (SERGPU), JPM yang mana bertanggungjawab untuk memungut, mentafsir serta menyebarkan perangkaan yang bertepatan masa dan terkini untuk memantau prestasi ekonomi dan juga pembangunan sosial negara.</p> <p>Biro Statistik sebelum ini ditubuhkan pada tahun 1949 di bawah peruntukan <i>Statistic Ordinance 1949</i> bertujuan menghasilkan data perdagangan luar negeri dan pertanian ladang.</p>
1966	<p>Lembaga Perancang Keluarga ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Nama Lembaga ini kemudiannya ditukar kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.</p>
Mei 1966	<p>Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia mula diwujudkan sebagai sekretariat di JPM hasil dari keputusan Kabinet mengenai kertas kerja yang bertajuk "<i>Seminar and Research in Economic and Social Development for Afro Asian Countries</i>". Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia diletakkan di bawah pengawasan Unit Perancangan Ekonomi dan bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha Negara.</p> <p>September 1974, MCDS telah diletakkan pula di bawah pengawasan Kementerian Perancangan dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi yang baru ditubuhkan.</p> <p>Dalam bulan Mac 1976, Kementerian ini telah dibubarkan dan MCDS sekali lagi diletakkan di bawah JPM dengan fungsi penyelidikannya diselaraskan oleh SERGPU melalui Timbalan Ketua Pengarah SERGPU.</p>
1966	<p>Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi & Perancangan Am (SERGPU) ditubuhkan. Unit ini ditugaskan menyediakan kertas kerja dan menjadi urusetia kepada satu jawatankuasa yang ditubuhkan untuk menyatu dan menyelaraskan tugas-tugas kerajaan dan menyemak rancangan-rancangan kerajaan secara am. Di samping itu, bertanggungjawab membuat kajian-kajian khas secara mendalam mengenai hal-hal yang mustahak.</p>

Pada tahun 1969, Unit ini diperluaskan dengan menjadi urusetia kepada Majlis Perundingan Negara.

Setelah berlaku peristiwa 13 Mei 1969, kerajaan mula menitikberatkan soal perpaduan dan perkembangan masyarakat berbilang bangsa. Selain daripada melaksanakan perancangan ekonomi, perancangan am oleh satu agensi pusat perlu dilaksanakan. Tugas perancangan am telah diberi kepada Unit

Perancangan Am yang kemudiannya di bahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian Biro Pengaduan Awam dan Bahagian Perancangan Am dan Penyelidikan. September 1974, Unit Perancangan Am diberi status Kementerian dan dikenali sebagai Kementerian Perancangan Am. Kementerian bertanggungjawab kepada perkara mengenai tenaga nuklear dan alam sekitar. ini ditugaskan mengawasi Jabatan Perangkaan dan Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia (MCDS) dan

Dalam rombakan Kabinet 1976, status SERGPU telah bertukar kembali kepada sebuah agensi Pusat di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan Jabatan Perangkaan dan MCDS di bawah pengawasannya.